

PERANAN PERKONGSIAN PENGETAHUAN TERHADAP JANGKAAN  
TEMPOH GRADUASI MAHASISWA PASCA IJAZAH

NUR RIFHAN BTE A. RAHIM

Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana  
Pengurusan (Teknologi)

Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia  
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2012

## DEDIKASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana memberikan saya kesihatan yang baik, ketabahan dan kesabaran serta kekuatan fizikal dan mental untuk saya menyiapkan disertasi ini dalam masa yang telah ditetapkan. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW pembawa rahmat ke seluruh alam.

Buat Ayahanda dan Bonda Tercinta,  
*A.Rahim bin Mahmod dan Rosnah binti Saidi*

Ahli Keluarga Disayangi,  
*Nur Syuhada binti A. Rahim*  
*Nur Syafiqah binti A. Rahim*  
*Nur Hidayah binti A. Rahim*

Anda adalah keluarga terbaik yang sentiasa ada pada masa susah dan senang. Keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dan sentiasa memberikan sokongan dan dorongan sehingga saya berjaya menyiapkan disertasi ini dengan jayanya. Saya sayang anda semua.

## PENGHARGAAN

Penghargaan ini adalah khusus buat penyelia saya, DR AHMAD JUSOH dan DR HAMDAN SAID yang telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya bermula daripada permulaan disertasi dijalankan sehinggalah ke pengakhiran disertasi. Terima kasih di atas sokongan, motivasi dan bimbingan yang telah diberikan sepanjang saya berada di bawah seliaan tuan-tuan sehinggalah saya berjaya menyiapkan disertasi ini dengan jayanya.

Terima kasih juga kepada teman-teman terutama NORFADILA MASDAN dan AFIQAH RAZALI, yang sentiasa ada di sisi pada waktu senang dan susah serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak menghulur bantuan, memberi nasihat dan semangat kepada saya dalam menyiapkan disertasi ini.

Akhir sekali, terima kasih juga kepada para responden terutama mahasiswa pasca ijazah penyelidikan Sains Sosial UTM, Skudai yang telah membantu saya menjawab segala pertanyaan yang diberikan dan memberikan kerjasama yang amat baik dalam melancarkan disertasi ini.

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor penentu kejayaan yang mempengaruhi jangkaan tempoh tamat pengajian mahasiswa pasca ijazah. Kajian ini juga ingin melihat interaksi aktiviti perkongsian pengetahuan dengan jangkaan tempoh tamat pengajian mahasiswa pasca ijazah. Kajian ini telah melibatkan seramai 210 orang responden daripada mahasiswa pasca ijazah penyelidikan dalam bidang Sains Sosial di UTM, Johor Bahru. Fakulti yang terlibat adalah Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM) dan Fakulti Pendidikan (FP). Borang kaji selidik merupakan instrumen utama bagi menjawab setiap soalan yang diutarakan. Aplikasi “Google Docstoc” telah diaplikasikan dalam mengagihkan borang soal selidik kepada responden. Kesemua data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences 18.0 (SPSS)*. Faktor-faktor penentu kejayaan yang diketengahkan adalah terdiri daripada faktor individu, faktor kualiti seliaan dan faktor sokongan organisasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor individu, faktor kualiti seliaan dan faktor sokongan organisasi mempunyai hubungan positif dengan jangkaan tempoh tamat pengajian pada tahap signifikan  $p < 0.05$ . Hasil kajian juga menunjukkan bahawa aktiviti perkongsian pengetahuan merupakan moderator bagi faktor kualiti seliaan dan faktor sokongan organisasi pada tahap signifikan  $p < 0.05$ .

## ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the critical success factors that influences the expected graduation time for postgraduate student. It also explores the interaction of knowledge sharing activities and the expected period of postgraduate students graduated. This research involves of 210 respondents from postgraduate research students in the field of Social Sciences at UTM, Johor Bahru. Faculty of Management and Human Resource Development (FPPSM) and Faculty of Education are involved in the study through a quantitative survey approach. Respondents answered the questionnaire given by the “Google Docstoc” application. Data analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 18.0 . The critical success factors is made up of an individual’s factor, quality of supervision and organizational support factors. The results showed that individual factors, quality of supervision factors and organizational support factors have a positive relationship with the expected period of graduation in a significant level of  $p < 0.05$ . Results also showed that the activity of knowledge sharing activities is the moderator for quality of supervision factors and organizational support factors at a significant level of  $p < 0.05$ .

## ISI KANDUNGAN

		<b>Halaman</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	7
1.3	Permasalahan Kajian	11
1.4	Tujuan Kajian	16
1.5	Objektif Kajian	17
1.6	Persoalan Kajian	17
1.7	Skop Kajian	18
1.8	Kepentingan Kajian	19
1.9	Definisi Konsep dan Operasi	21
	1.9.1 Peranan Individu	22
	1.9.2 Kualiti Penyeliaan	22
	1.9.3 Organisasi	23
	1.9.4 Aktiviti Perkongsian Pengetahuan	24
	1.9.5 Jangkaan tempoh tamat pengajian	25
2.0	Kesimpulan	25

<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN KARYA LEPAS</b>	
2.1	Pengenalan	26
2.2	Faktor-faktor Penentu Kejayaan yang Mempengaruhi Tempoh Pengajian Mahasiswa	27
	2.2.1 Model Kajian Lepas	28
	2.2.2 Faktor Demografi	30
	2.2.2.1 Jantina	31
	2.2.2.2 Status Perkahwinan	32
	2.2.2.3 Status Pendaftaran	33
	2.2.2.4 Status Kewarganegaraan	34
	2.2.2.5 Program Pengajian	35
	2.2.3 Faktor Individu	36
	2.2.3.1 Tanggungjawab Mahasiswa Pasca Ijazah	36
	2.2.4 Faktor Kualiti Seliaan	41
	2.2.4.1 Tanggungjawab Penyelia	41
	2.2.4.2 Komunikasi Interpersonal	43
	2.2.5 Faktor Sokongan Organisasi	45
	2.2.5.1 Sokongan Kewangan	46
	2.2.5.2 Tanggungjawab Fakulti	47
	2.2.6 Kesan Moderator	48
	2.2.6.1 Perkongsian Pengetahuan Sebagai Moderator	49
2.3	Model Kajian	53
2.4	Kesimpulan	57
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	58
3.2	Rekabentuk Kajian	59
3.3	Populasi dan Sampel	60
3.4	Teknik Persampelan	61
3.5	Soal Selidik Berstruktur	63
3.6	Instrumen Kajian	65
	3.6.1 Bahagian A : Latar Belakang Responden	66

	3.6.2 Bahagian B : Faktor-faktor Penentu Kejayaan Mahasiswa Menamatkan Pengajian	68
	3.6.3 Bahagian C : Intensiti Aktiviti Perkongsian Pengetahuan	69
	3.6.4 Pengiraan Bagi Status Pendaftaran	70
3.7	Ujian Kebolehpercayaan	74
	3.7.1 Kajian Rintis	74
3.8	Analisis Data	76
	3.8.1 Analisis Deskriptif	76
	3.8.2 Analisis Inferensi	77
3.9	Kesimpulan	79
<b>BAB IV</b>	<b>HASIL KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	80
4.2	Latar Belakang Responden	81
	4.2.1 Jantina Responden	81
	4.2.2 Umur Responden	82
	4.2.3 Status Perkahwinan Responden	83
	4.2.4 Kaum Responden	83
	4.2.5 Fakulti Responden	84
	4.2.6 Status Pendaftaran Responden	85
	4.2.7 Sokongan Kewangan Responden	86
	4.2.8 Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian	87
4.3	Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Berdasarkan Faktor Demografi	88
	4.3.1 Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Mengikut Jantina Mahasiswa	89
	4.3.2 Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Mengikut Status Perkahwinan Mahasiswa	89
	4.3.3 Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Mengikut Status Pendaftaran Mahasiswa	90
	4.3.4 Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Mengikut Status Kewarganegaraan Mahasiswa	91



	4.3.5 Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Mengikut Program Pengajian	92
4.4	Hubungan Antara Faktor Individu, Faktor Kualiti Seliaan dan Faktor Sokongan Organisasi Dengan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian	93
4.5	Aktiviti Perkongsian Pengetahuan Merupakan Moderator Bagi Perhubungan Antara Faktor Individu Dengan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian	95
	4.5.1 Aktiviti Perkongsian Pengetahuan Merupakan Moderator Bagi Perhubungan Antara Faktor Kualiti Seliaan Dengan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian	98
	4.5.2 Aktiviti Perkongsian Pengetahuan Merupakan Moderator Bagi Perhubungan Antara Faktor Sokongan Organisasi Dengan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian	100
4.6	Kesimpulan	102
<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	104
5.2	Perbincangan Kajian	104
	5.2.1 Perbincangan Bagi Objektif Kajian	104
	5.2.2 Perbincangan Bagi Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Berdasarkan Faktor Demografi	106
	5.2.3 Perbincangan Bagi Hubungan Antara Faktor Individu, Faktor Kualiti Seliaan dan Faktor Sokongan Organisasi Dengan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian	108
	5.2.4 Perbincangan Bagi Aktiviti Perkongsian Pengetahuan Merupakan Moderator Bagi Perhubungan Antara Faktor Individu, Faktor Kualiti Seliaan dan Faktor Sokongan Organisasi Dengan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian	111

5.3	Batasan Kajian	114
5.4	Cadangan	115
	5.4.1 Cadangan Kepada Mahasiswa	115
	5.4.2 Cadangan Kepada Pihak Pentadbiran	116
	5.4.3 Cadangan bagi Penyelidikan Masa Hadapan	117
5.5	Kesimpulan	118
	<b>SENARAI RUJUKAN</b>	119
	Lampiran A-C	128-148

### SENARAI JADUAL

<b>NO BIL JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>BIL. MUKA SURAT</b>
1.1	Enrolmen di Institusi Pengajian Tinggi Mengikut Peringkat Pengajian, Tahun 2005-2020	4
1.2	Statistik Jumlah Kemasukan Mahasiswa Pasca Ijazah Ke IPT Antara Tahun 2002-2007	8
1.3	Statistik Jumlah Keluaran Graduan Mahasiswa Pasca Ijazah Dari IPT Antara Tahun 2004-2009	8
1.4	Statistik Perbandingan Keluaran Graduan Mahasiswa Pasca Ijazah UTM Mengikut Jantina dan Bidang Pengajian Bagi Tahun 2008 dan 2009	13
3.1	Pembahagian Populasi Kajian Bagi Mahasiswa Pasca Ijazah Penyelidikan Mengikut Peringkat Pengajian	61
3.2	Keterangan Pembinaan Soal Selidik	64
3.3	Item Yang Digunakan Dalam Skala Rating Likert	66

3.4	Bahagian A : Latar Belakang Responden	66
3.5	Bahagian B : Faktor-faktor Penentu Kejayaan Mahasiswa Menamatkan Pengajian	69
3.6	Bahagian C : Intensiti Aktiviti Perkongsian Pengetahuan	70
3.7	Tempoh Minimum Pengajian Bagi Mahasiswa Pasca Ijazah Penyelidikan Bagi Kedua-dua Peringkat Pengajian	71
3.8	Tahap Kebolehpercayaan	75
3.9	Ujian Kebolehpercayaan	75
3.10	Analisis Statistik Yang Dicadangkan Berdasarkan Persoalan Kajian	78
4.1	Jantina Responden	81
4.2	Umur Responden	82
4.3	Status Perkahwinan Responden	83
4.4	Kaum Responden	84
4.5	Fakulti Responden	85
4.6	Bentuk Pendaftaran Responden	85
4.7	Sokongan Kewangan Responden	87
4.8	Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Responden	88

4.9.1	Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Mengikut Jantina Mahasiswa	89
4.9.2	Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Mengikut Status Perkahwinan Mahasiswa	90
4.9.3	Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Mengikut Status Pendaftaran Mahasiswa	91
4.9.4	Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Mengikut Status Kewarganegaraan Mahasiswa	92
4.9.5	Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Mengikut Program Pengajian Mahasiswa	92
4.10	Hipotesis-hipotesis Kajian	93
4.10.1	Model Summary	94
4.10.2	ANOVA	94
4.10.3	Coefficients	95
4.11	Hipotesis Kajian	96
4.11.1	Regresi Berganda Berhierarchy Bagi Faktor Individu dan Aktiviti Perkongsian Pengetahuan	97
4.11.2	Regresi Berganda Berhierarchy Bagi Faktor Kualiti Seliaan dan Aktiviti Perkongsian Pengetahuan	99
4.11.3	Regresi Berganda Berhierarchy Bagi Faktor Sokongan Organisasi dan Aktiviti Perkongsian Pengetahuan	101

4.12.1	Rumusan Bagi Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Berdasarkan Faktor Demografi	102
4.12.2	Rumusan Bagi Hubungan Antara Faktor Individu, Faktor Kualiti Seliaan dan Faktor Sokongan Organisasi Dengan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian	102
4.12.3	Rumusan Bagi Aktiviti Perkongsian Pengetahuan Merupakan Moderator Bagi Perhubungan Antara Faktor Individu, Faktor Kualiti Seliaan dan Faktor Sokongan Organisasi Dengan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian	103

### **SENARAI RAJAH**

<b>NO BIL RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>BIL. MUKA SURAT</b>
2.1	Faktor Demografi Yang Berhubungan Secara Langsung Dengan Tempoh Pengajian Mahasiswa Pasca Ijazah	28
2.2	Faktor Demografi dan Faktor Individu Yang Berhubungan Secara Langsung Dengan Tempoh Pengajian Mahasiswa Pasca Ijazah	29
2.3	Faktor Demografi, Faktor Individu, Faktor Kualiti Seliaan dan Faktor Sokongan Organisasi Yang Berhubungan Secara Langsung Dengan Tempoh Pengajian Mahasiswa Pasca Ijazah	30

2.4	Model Kajian Bagi Faktor-Faktor Penentu Kejayaan Yang Mempengaruhi Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian dan Aktiviti Perkongsian Pengetahuan Sebagai Moderator Bagi Interaksi Antara Faktor-faktor Penentu Kejayaan dan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian	54
5.1	Rumusan Bagi Pembolehubah Yang Signifikan Bagi Hubungan Antara Faktor Individu, Faktor Kualiti Seliaan dan Faktor Sokongan Organisasi dengan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian	111
5.2	Rumusan Bagi Aktiviti Perkongsian Pengetahuan Merupakan Moderator Bagi Perhubungan Antara Faktor Individu, Faktor Kualiti Seliaan dan Faktor Sokongan Organisasi dengan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian	114

#### **SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO BIL LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>BIL. MUKA SURAT</b>
A	Soal Selidik Peranan Perkongsian Pengetahuan Terhadap Tempoh Graduasi Mahasiswa Pasca Ijazah	128
B	Perbezaan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian Berdasarkan Faktor Demografi	139
C	Aktiviti Perkongsian Pengetahuan Sebagai Moderator Bagi Perhubungan Antara Faktor Individu, Faktor Kualiti Seliaan dan Faktor Sokongan Organisasi dengan Jangkaan Tempoh Tamat Pengajian	143

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Alaf baru pada masa kini sememangnya memberikan pelbagai cabaran besar kepada sektor pendidikan khususnya pengajian tinggi seiring dengan kepesatan dan pembangunan negara khususnya Malaysia (Utusan Malaysia, 2007). Malah, era globalisasi pada masa kini juga telah mewujudkan persaingan di mana sesebuah negara harus membangunkan sumbernya yang tersendiri yang meliputi infrastruktur, bahan mentah, industri dan masyarakat yang bertaraf global agar dapat bersaing dengan masyarakat global yang terbaik. Dalam dunia tanpa sempadan, setiap orang perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran supaya mempunyai daya saing yang global. Oleh itu, mahasiswa dilihat perlu sentiasa lebih berkeyakinan dan berfungsi secara global agar dapat diterima sehingga ke peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan itu, dalam merealisasikan matlamat ini, transformasi perlu dilakukan di dalam kurikulum tertiar dan pendekatan pedagogi juga perlu diperbaiki (Rafiah Salim, 2007).

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sama ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dilihat menjadi tunjang utama dalam mentransformasi negara Malaysia melalui penjana modal insan. Hal ini selaras dengan Teras Kedua Misi Nasional 2006-2020 yang telah menggariskan beberapa perkara asas dalam meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi serta memupuk minda kelas pertama di kalangan warganegara Malaysia. Ini kerana kejayaan negara Malaysia pada masa hadapan bergantung kepada kualiti modal insan yang dimiliki di mana kualiti modal insan ini bukan sahaja berpandukan kepada modal intelek sahaja, tetapi turut berpandukan kepada keperibadian rakyatnya. Sehubungan dengan itu, IPT dilihat mampu melahirkan mahasiswa yang berpendidikan tinggi, berkemahiran, kreatif, inovatif dan bersikap progresif serta berfikiran kritis (Nik Mustapha Raja Abdullah, 2007).

Oleh itu, dalam menghadapi cabaran global pada masa kini dan dalam memperkasakan institusi pengajian tinggi, maka, modal insan yang berkaliber tinggi perlu dihasilkan dengan pantas di peringkat Doktor Falsafah (PhD). Strategi Malaysia untuk menghasilkan modal insan kelulusan PhD atau kelayakan setaraf perlu dipertingkatkan dengan menekankan usaha untuk meningkatkan bilangan pelajar di IPT bagi meneruskan pengajian pada peringkat PhD (Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, 2007-2010). Malaysia mempunyai objektif dengan menyasarkan sebanyak 100 000 penduduk mempunyai kelulusan PhD atau kelayakan setaraf dalam tempoh 15 tahun akan datang. Ini akan membantu dalam proses peningkatan kualiti modal insan sebagaimana digariskan dalam Pelan Strategik.

Malah, bilangan penduduk yang mempunyai kelulusan PhD atau kelayakan setaraf boleh meningkatkan daya saing Malaysia pada peringkat global terutama dalam sektor perindustrian dan ini membolehkan Malaysia tidak lagi bergantung kepada aktiviti perindustrian yang bersandarkan penyelidikan oleh organisasi asing. Justeru, adalah penting bagi Malaysia untuk membangunkan keupayaan



penyelidikannya agar dapat dinikmati dengan lebih bermanfaat (Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, 2007-2010).

Menerusi sistem kedudukan dan sistem penarafan dari dalam dan luar negara seperti *Times Higher Education Supplement* (THES) yang mahu meletakkan IPT di kedudukan terbaik dunia, 5 buah universiti awam telah berjaya menduduki senarai 500 terbaik dunia sejak tahun 2004. Universiti-universiti itu adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Menerusi kedudukan tersebut, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan peranan baru setiap universiti sebagai universiti penyelidikan (Mohamed Khaled Nordin, 2008). Pengumuman ini telah memberi satu tanggungjawab baru yang perlu digalas oleh setiap universiti penyelidikan dalam melahirkan mahasiswa penyelidikan pada masa hadapan.

Program pasca ijazah diwujudkan bagi memberi peluang kepada mahasiswa lepasan Ijazah Sarjana Muda untuk meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi iaitu di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Menerusi program ini, mahasiswa dapat meneruskan hasrat dan impian untuk meningkatkan pencapaian dalam bidang akademik di peringkat yang paling tinggi.

Mahasiswa pasca ijazah terdiri daripada mahasiswa di peringkat pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD). Daripada Jadual 1, jumlah mahasiswa pasca ijazah yang mendaftar di IPT pada tahun 2005 adalah seramai 45 520 orang, dan pada tahun 2010, jumlah mahasiswa pasca ijazah ini telah meningkat seramai 139 000 orang. Jumlah mahasiswa pasca ijazah ini dijangka meningkat sehingga 359 800 orang pada tahun 2020. Proses bagi menamatkan pengajian di peringkat pasca ijazah adalah sangat panjang dan sangat sukar seperti yang telah dibuktikan di mana hanya sebahagian daripada keseluruhan mahasiswa pasca ijazah yang dapat menamatkan

pengajian (Leatherman, 2000). Senario bagi mahasiswa pasca ijazah yang gagal menamatkan pengajian atau tempoh masa yang panjang yang diambil oleh mahasiswa pasca ijazah dalam menamatkan pengajian bukan sahaja dibincangkan di peringkat tempatan tetapi juga turut mendapat perhatian oleh peringkat antarabangsa (Leatherman, 2000).

Jadual 1.1: Enrolmen di Institusi Pengajian Tinggi Mengikut Peringkat Pengajian, Tahun 2005-2020

Peringkat pengajian	Bilangan Mahasiswa					
	2005		2010		2020	
	Awam	Swasta	Awam	Swasta	Awam	Swasta
Sijil	37931	94949	141290	143480	230100	233700
Diploma	98953	131428	285690	188680	488000	322300
Ijazah Sarjana Muda	212326	110591	293650	134550	434700	199200
<b>Sarjana</b>	<b>34436</b>	<b>4202</b>	<b>111550</b>	<b>5770</b>	<b>289300</b>	<b>15000</b>
<b>PhD</b>	<b>6742</b>	<b>140</b>	<b>21410</b>	<b>270</b>	<b>54800</b>	<b>700</b>
Jumlah	390388	341310	853320	472750	1496900	770000

(Sumber: Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, 2007-2010)

Kajian menunjukkan bahawa masih terdapat beberapa faktor penentu kejayaan yang dilihat akan mempengaruhi mahasiswa pasca ijazah untuk menamatkan pengajian di bidang masing-masing (Seagram, 1998; Price, 2005; Sheridan dan Pyke, 1994; Jiranek, 2010; Norhasni Zainal Abiddin, 2006; Kam Booi Hon, 1997; Norhasni Zainal Abiddin dan West Mel, 2007). Antara faktor-faktor tersebut ialah faktor individu itu sendiri (Kam Booi Hon, 1997; Norhasni Zainal Abiddin dan West Mel, 2007). Ini bermakna, mahasiswa itu sendiri yang memainkan peranan dan memberi pengaruh dalam menamatkan pengajian di peringkat pasca ijazah. Setiap individu mempunyai personaliti dan kemampuan yang berbeza-beza

(Elgar, 2003). Oleh itu, personaliti dan kemampuan setiap mahasiswa yang berbeza ini boleh mendorong mahasiswa itu sendiri untuk memotivasikan diri supaya lebih cepat menyempurnakan kajian yang dilakukan dan seterusnya mempercepatkan tempoh masa mahasiswa untuk menamatkan pengajian (Martin *et al.*, 1999).

Selain daripada faktor penentu kejayaan di atas, kualiti penyeliaan dan sokongan organisasi juga dianggap memainkan peranan sebagai penentu kejayaan (Seagram, 1998; Price, 2005; Sheridan dan Pyke, 1994; Jiranek, 2010; Norhasni Zainal Abiddin, 2006; Norhasni Zainal Abiddin dan West Mel, 2007). Banyak kajian mencadangkan kualiti penyeliaan seperti tanggungjawab penyelia, hubungan positif antara penyelia dan mahasiswa yang diselia sebagai salah satu faktor penentu kejayaan program pasca ijazah (Harris, 1996; SERC, 1982; Elliot, 1983; Bennet dan Knibbs, 1986). Selain itu, tanggungjawab universiti dalam menyediakan kemudahan infrastruktur yang terbaik juga dikenal pasti sebagai salah satu faktor penentu kejayaan dalam menamatkan pengajian (Phillips dan Pugh, 2000).

Dunia yang sedang bergerak maju ke arah “ekonomi berasaskan pengetahuan”, menjadikan pengetahuan sebagai faktor utama bagi ekonomi baru. Pengetahuan adalah penting kepada organisasi awam dan swasta terutamanya kepada institusi pengajian seperti universiti (Sizer, 2001). Institusi pengajian tinggi pada masa ini dilihat tidak lagi hanya menawarkan pengetahuan kepada para mahasiswa, tetapi juga mengurus dan menggabungkan pengetahuan yang dimiliki melalui perkongsian pengetahuan dalam kalangan mahasiswa (Sizer, 2001). Oleh itu, perkongsian pengetahuan dalam kalangan mahasiswa akan memberi cabaran dan menjadi konsep penting kepada IPT.

Perkongsian pengetahuan tergolong dalam pengurusan pengetahuan. Perkongsian pengetahuan didefinisikan sebagai pertukaran pengalaman, maklumat, atau pemahaman ke atas sesuatu perkara dengan andaian ingin menambahkan

maklumat dan memahami sesuatu perkara (Gouldner, 1960). Definisi ini membayangkan satu situasi di mana seseorang individu itu mempunyai perasaan ingin tahu akan sesuatu perkara (Gouldner, 1960). Oleh itu, individu itu akan berusaha untuk mengetahui perkara tersebut menerusi pengetahuan yang dimiliki oleh individu lain. Perkongsian pengetahuan ini berlaku apabila individu itu bersedia untuk saling membantu antara satu sama lain serta mahu belajar daripada orang lain dengan tujuan untuk menjadi lebih cekap (Goh, 2002). Maka, individu yang memiliki pengetahuan berhubung dengan sesuatu perkara yang diketahui akan berkongsi pengetahuan tersebut dengan individu lain. Maka, pengetahuan yang dimiliki akan semakin berkembang dan berguna untuk semua orang.

Menerusi aktiviti perkongsian pengetahuan ini, diharap dapat mendorong faktor-faktor penentu kejayaan mahasiswa pasca ijazah untuk segera menamatkan pengajian mereka di bidang masing-masing. Ini kerana, melalui aktiviti perkongsian pengetahuan, mahasiswa pasca ijazah akan lebih terdorong untuk segera dalam menyiapkan segala tugas yang diberikan khususnya dalam menyempurnakan tesis atau disertasi bagi kajian yang dilakukan. Selain itu, menerusi aktiviti perkongsian pengetahuan, diharap masa yang diambil oleh mahasiswa pasca ijazah untuk menamatkan pengajian dapat dipercepatkan atau dipendekkan daripada anggaran masa yang telah ditetapkan oleh pihak institusi. Ini kerana, melalui aktiviti perkongsian pengetahuan, mahasiswa pasca ijazah dapat berkongsi maklumat, idea dan pendapat daripada orang-orang yang pakar khususnya bagi kajian penyelidikan yang dijalankan dan interaksi yang berlaku ini dapat memberikan maklum balas dengan segera. Oleh itu, aktiviti perkongsian pengetahuan ini diharap dapat membantu mahasiswa pasca ijazah untuk segera menyiapkan kajian mereka dan memendekkan tempoh tamat pengajian.

Justeru itu, kajian memfokuskan kepada faktor-faktor penentu kejayaan mahasiswa pasca ijazah menamatkan pengajian dan aktiviti perkongsian pengetahuan yang dilihat menjadi moderator kepada perhubungan antara faktor-faktor penentu

kejayaan mahasiswa pasca ijazah untuk segera menamatkan pengajian. Sekiranya wujud interaksi yang kuat antara aktiviti perkongsian pengetahuan dengan faktor-faktor penentu kejayaan, mahasiswa akan dapat mempercepatkan dan menamatkan pengajian kurang daripada masa yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Menerusi Laporan Tahunan Kaji Selidik Doktor Falsafah 2006 (Survey of Earned Doctorates 2006 Report), di universiti-universiti di Amerika Syarikat yang telah ditubuhkan antara tahun 1980 dan 2006, purata tempoh masa antara mahasiswa yang sudah mendaftar dan mahasiswa yang tamat pengajian adalah meningkat daripada 10.7 tahun kepada 12.7 tahun bagi bidang Pendidikan berbanding 7.7 tahun kepada 7.9 tahun bagi semua bidang (Hoffer *et al.*, 2007). Ini menunjukkan tempoh masa bagi mahasiswa pasca ijazah menamatkan pengajian adalah semakin panjang sepanjang tahun.

Jadual 2 menunjukkan statistik jumlah kemasukan mahasiswa pasca ijazah ke IPT antara tahun 2002-2007. Daripada jadual tersebut, seramai 9821 mahasiswa pasca ijazah yang mendaftar pengajian bagi tahun 2002. Ini diikuti seramai 10 383 orang mahasiswa pasca ijazah yang mendaftar pengajian bagi tahun 2003. Seterusnya, seramai 17 495 orang mahasiswa pasca ijazah yang mendaftar pengajian bagi tahun 2004. Manakala seramai 9994 orang mahasiswa pasca ijazah yang mendaftar pengajian bagi tahun 2005 dan seramai 11 633 orang mahasiswa pasca ijazah yang mendaftar bagi tahun 2006. Bagi tahun 2007, seramai 15 523 orang mahasiswa pasca ijazah yang mendaftar pengajian.

Jadual 1.2 : Statistik Jumlah Kemasukan Mahasiswa Pasca Ijazah Ke IPT Antara Tahun 2002-2007.

Peringkat pengajian	Bilangan Mahasiswa					
	2002	2003	2004	2005	2006	2007
Sarjana	8993	9280	14 773	8114	9697	12 398
PhD	828	1103	2722	1880	1936	3125
<b>Jumlah</b>	<b>9821</b>	<b>10 383</b>	<b>17 495</b>	<b>9994</b>	<b>11 633</b>	<b>15 523</b>

(Sumber: Laporan Statistik Pelajar Kementerian Pengajian Tinggi, 2002-2007)

Jadual 3 menunjukkan statistik jumlah keluaran graduan mahasiswa pasca ijazah dari IPT bagi tahun 2004-2009. Daripada jadual tersebut, seramai 6522 mahasiswa pasca ijazah yang berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2004. Ini diikuti seramai 7753 orang mahasiswa pasca ijazah yang berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2005. Seterusnya, seramai 7399 orang mahasiswa pasca ijazah yang berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2006. Manakala seramai 9201 orang mahasiswa pasca ijazah yang berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2007 dan seramai 9440 orang mahasiswa pasca ijazah yang berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2008. Bagi tahun 2009, hanya seramai 9147 orang mahasiswa pasca ijazah yang berjaya menamatkan pengajian.

Jadual 1.3 : Statistik Jumlah Keluaran Graduan Mahasiswa Pasca Ijazah Dari IPT Antara Tahun 2004-2009.

Peringkat pengajian	Bilangan Mahasiswa					
	2004	2005	2006	2007	2008	2009
Sarjana	6074	7172	6767	8499	8655	8446
PhD	448	581	632	702	785	701
<b>Jumlah</b>	<b>6522</b>	<b>7753</b>	<b>7399</b>	<b>9201</b>	<b>9440</b>	<b>9147</b>

(Sumber: Laporan Statistik Pelajar Kementerian Pengajian Tinggi, 2002-2007 dan Perangkaan Pengajian Tinggi, 2008-2009)

Menerusi jadual 2 dan 3, didapati jumlah kemasukan mahasiswa pasca ijazah ke IPT dengan jumlah keluaran graduan mahasiswa pasca ijazah pada masa yang sepatutnya mereka bergraduasi adalah tidak selari. Ini bermaksud, jumlah mahasiswa pasca ijazah yang sepatutnya bergraduasi pada tempoh masa yang telah ditetapkan adalah kurang berbanding jumlah mahasiswa pasca ijazah yang mendaftar pengajian. Sebagai contoh, mahasiswa pasca ijazah yang mendaftar pada tahun 2002 dijangka akan menamatkan pengajian pada tahun 2004. Menerusi statistik oleh Laporan Statistik Pelajar Kementerian Pengajian Tinggi (2002-2007), daripada seramai 9821 orang yang mendaftar pada tahun 2002, hanya 6522 orang mahasiswa pasca ijazah yang bergraduasi pada tahun 2004. Maka, statistik menunjukkan bahawa terdapat sebahagian mahasiswa pasca ijazah yang gagal menamatkan pengajian atau mengambil tempoh masa yang lama untuk menamatkan pengajian.

Statistik tersebut telah mewujudkan pelbagai persoalan tentang mengapakah mahasiswa pasca ijazah gagal atau lambat menamatkan pengajian?. Apakah terdapat faktor-faktor yang menyebabkan mahasiswa pasca ijazah mengambil tempoh masa yang lama untuk menamatkan pengajian?. Adakah kerana faktor individu atau kegagalan mahasiswa pasca ijazah penyelidikan Sains Sosial UTM dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap kerja-kerja penyelidikan yang menyebabkan mahasiswa pasca ijazah mengambil tempoh masa yang lama untuk menamatkan pengajian?. Atau adakah kerana faktor kualiti seliaan atau kegagalan penyelia dalam menjalankan aktiviti seliaan terhadap mahasiswa seliaan yang menyebabkan mahasiswa mengambil tempoh masa yang lama untuk menamatkan pengajian?. Atau adakah kerana faktor sokongan organisasi atau kegagalan pihak fakulti dan pentabiran UTM dalam menjalankan tanggungjawab terhadap mahasiswa pasca ijazah yang menyebabkan mahasiswa mengambil tempoh masa yang lama untuk menamatkan pengajian?.

Menurut Kamal *et al.* (2007) ekonomi pada masa kini yang merujuk kepada “ekonomi berasaskan pengetahuan”, di mana, dalam kebanyakan negara membangun pada hari ini telah memperlihatkan persaingan sebagai tidak berdasarkan kepada kos semata-mata tetapi lebih kepada pembangunan dan pengeluaran produk serta perkhidmatan yang berasaskan pengetahuan. Pengetahuan merupakan suatu penciptaan dan pengembangan dalam interaksi sosial (Hutching dan Mohannak, 2007). Perkongsian pengetahuan merupakan salah satu unit penting dalam sistem pengurusan pengetahuan bagi sesebuah organisasi (Mohd Sadiq Sohail dan Salina Daud, 2009). Ini kerana, perkongsian pengetahuan yang wujud boleh menjimatkan masa dan meningkatkan kualiti sesebuah organisasi. Maka, adakah dengan adanya aktiviti perkongsian pengetahuan, mahasiswa pasca ijazah penyelidikan Sains Sosial UTM akan dapat menamatkan pengajian dengan lebih cepat?. Adakah aktiviti perkongsian pengetahuan perlu diamalkan dalam kerja-kerja penyelidikan bagi memudahkan mahasiswa pasca ijazah penyelidikan Sains Sosial UTM mendapatkan maklumat dan seterusnya membantu mahasiswa pasca ijazah untuk menamatkan pengajian dengan lebih cepat?.

Walau bagaimanapun, kajian berhubung aktiviti perkongsian pengetahuan banyak diketengahkan di dalam organisasi bukan berteraskan pendidikan. Aktiviti perkongsian pengetahuan di dalam organisasi bukan berteraskan pendidikan ini dilihat sebagai isu penting kerana pengetahuan dianggap sebagai sumber penting dalam persaingan antara organisasi dan merupakan modal yang strategik dalam ekonomi maklumat. Ini bermaksud, pengetahuan yang berkembang dalam sesebuah organisasi akan meningkatkan keupayaan persaingan antara organisasi (Yang dan Wu, 2006). Maka, organisasi terbabit dilihat akan mewujudkan persaingan yang sihat dengan organisasi lain terutamanya dalam menghasilkan tenaga kerja yang produktif yang merupakan pelaburan yang terbaik kepada organisasi. Ini kerana, aktiviti perkongsian pengetahuan ini telah mewujudkan satu budaya perkongsian antara pekerja dan majikan khususnya dalam perkongsian kepakaran dan idea yang bernas dan berguna kepada organisasi. Oleh itu, adakah aktiviti perkongsian pengetahuan juga perlu diwujudkan dan diaplikasikan dalam pengajian mahasiswa pasca ijazah



penyelidikan Sains Sosial UTM bagi membolehkan mahasiswa pasca ijazah menamatkan pengajian dengan lebih cepat?.

Kajian terdahulu seperti Seagram (1998), Price (2005), Sheridan dan Pyke (1994), Jiranek (2010), Norhasni Zainal Abiddin (2006) dan Norhasni Zainal Abiddin dan West Mel (2007) hanya melihat faktor-faktor penentu kejayaan yang berhubungan secara langsung dengan tempoh masa mahasiswa pasca ijazah menamatkan pengajian. Namun, kajian mereka tidak memberi perhatian kepada aspek perkongsian pengetahuan dalam mempengaruhi tempoh masa mahasiswa pasca ijazah untuk menamatkan pengajian. Aktiviti perkongsian pengetahuan ini penting dilakukan dalam mendapatkan maklumat atau pengetahuan baru, mencapai keputusan yang lebih baik dan meningkatkan tahap prestasi khususnya dalam kerja berpasukan. Justeru itu, kajian ini ingin mengenal pasti faktor-faktor penentu kejayaan mahasiswa menamatkan pengajian, dan interaksi aktiviti perkongsian pengetahuan dengan faktor-faktor penentu kejayaan mahasiswa pasca ijazah bagi mempercepatkan proses mahasiswa pasca ijazah menamatkan pengajian.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Tempoh bagi mahasiswa pasca ijazah untuk memperoleh ijazah sama ada dalam peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah adalah satu ukuran bagi tempoh masa yang diambil oleh mahasiswa pasca ijazah untuk mendapatkan ijazah Sarjana atau ijazah Kedoktoran. Jumlah masa yang diambil oleh mahasiswa pasca ijazah untuk menamatkan pengajian dilihat sebagai suatu perkara yang perlu diberi keutamaan terutamanya bagi mahasiswa pasca ijazah itu sendiri yang bertungkus lumus untuk menamatkan pengajian pada masa yang telah ditetapkan, serta bagi pihak fakulti dan pentadbiran, institusi, agensi-agensi awam dan organisasi swasta yang menyokong

pengajian pasca ijazah. Ini kerana, tempoh masa menamatkan pengajian mempunyai perkaitan dengan kadar graduasi, yang ditakrifkan sebagai nisbah mahasiswa yang diterima masuk ke dalam program pasca ijazah dalam institusi dengan mahasiswa yang mencapai ijazah kedoktoran dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Dalam erti kata lain, semakin panjang tempoh masa yang diambil untuk menamatkan pengajian, semakin rendah kadar graduasi (Bowen dan Rudenstine, 1992; Ferrer de Valero, 2001; Nerad dan Cerny, 1993).

Tempoh masa panjang yang diambil oleh mahasiswa pasca ijazah untuk menamatkan pengajian juga telah menyebabkan peningkatan kos yang ditanggung oleh institusi, kelewatan dalam kemasukan pasaran buruh dan pengurangan dalam kehidupan yang produktif dalam memilih kerjaya (Tuckman, Coyle, dan Bae, 1990). Kelewatan mahasiswa pasca ijazah menamatkan pengajian telah menyebabkan kehilangan sumber yang banyak kepada mahasiswa, fakulti dan institusi (Kluever, 1995). Di samping itu, kelewatan mahasiswa pasca ijazah dalam menamatkan pengajian juga telah memberi kesan di mana negara kehilangan pemimpin, penyelidik dan tenaga pengajar yang terdiri daripada guru dan pensyarah yang berpotensi dalam melahirkan generasi muda yang berilmu pada masa akan datang. Rogers (1969) menyatakan bahawa kelewatan mahasiswa pasca ijazah dalam menamatkan pengajian boleh diambil kira sebagai satu kegagalan sama ada dalam aspek pemilihan, pengajaran atau hubungan antara mahasiswa dan fakulti. Goulden (1991) juga menyatakan kegagalan mahasiswa pasca ijazah dalam menamatkan pengajian merupakan satu pembaziran, dan memberi hasil yang negatif kepada jabatan dan institusi.

Jadual 4 menunjukkan statistik perbandingan keluaran graduan mahasiswa pasca ijazah UTM mengikut jantina dan bidang pengajian bagi tahun 2008 dan 2009. Daripada jadual tersebut, didapati jumlah keluaran graduan mahasiswa pasca ijazah Sains Sosial UTM adalah menurun daripada seramai 261 orang graduan pada tahun 2008 kepada 229 orang graduan pada tahun 2009. Ini berbeza dengan jumlah

keluaran graduan mahasiswa pasca ijazah UTM dalam bidang Sains dan Teknikal. Jumlah keluaran graduan mahasiswa pasca ijazah UTM dalam bidang Sains adalah meningkat daripada 352 orang graduan pada tahun 2008 kepada 401 orang graduan pada tahun 2009. Jumlah keluaran graduan mahasiswa pasca ijazah UTM dalam bidang Teknikal juga meningkat daripada 453 orang graduan pada tahun 2008 kepada 527 orang graduan pada tahun 2009. Jumlah keluaran graduan mahasiswa pasca ijazah Sains Sosial UTM mengikut jantina juga menunjukkan perbezaan. Bagi peringkat ijazah Sarjana, jumlah keluaran graduan lelaki mahasiswa pasca ijazah Sains Sosial UTM adalah menurun daripada seramai 114 orang graduan pada tahun 2008 kepada 105 orang graduan pada tahun 2009 berbanding graduan perempuan iaitu daripada 137 orang graduan pada tahun 2008 kepada 118 orang graduan pada tahun 2009. Bagi peringkat ijazah Doktor Falsafah, jumlah keluaran graduan lelaki mahasiswa pasca ijazah Sains Sosial UTM adalah menurun daripada seramai 6 orang graduan pada tahun 2008 kepada 5 orang graduan pada tahun 2009 berbanding graduan perempuan iaitu daripada 4 orang graduan pada tahun 2008 kepada seorang graduan pada tahun 2009.

Jadual 1.4 : Statistik Perbandingan Keluaran Graduan Mahasiswa Pasca Ijazah UTM Mengikut Jantina dan Bidang Pengajian Bagi Tahun 2008 dan 2009.

Jantina/ Bidang Pengajian	Lelaki				Perempuan			
	Sarjana		Doktor Falsafah		Sarjana		Doktor Falsafah	
	2008	2009	2008	2009	2008	2009	2008	2009
Sains Sosial	114	105	6	5	137	118	4	1
Sains	167	195	11	10	163	188	11	8
Teknikal	250	301	37	47	158	168	8	11

(Sumber: Perangkaan Pengajian Tinggi, 2008-2009)

Daripada jadual tersebut, didapati mahasiswa pasca ijazah Sains Sosial UTM lambat menamatkan pengajian berbanding bidang pengajian lain. Ini selari dengan kajian daripada Booth *et al.* (1995) dan Baker (1998) yang menyatakan mahasiswa pasca ijazah dalam bidang Sains lebih awal menamatkan pengajian dengan ramalan kebarangkalian sebanyak 54.6 peratus berbanding mahasiswa pasca ijazah dalam bidang Sains Sosial. Kemerosotan graduan pasca ijazah Sains Sosial dalam menamatkan pengajian memberi gambaran bahawa pihak universiti khususnya perlu mengambil tindakan atau inisiatif yang terbaik bagi mengurangkan jurang tempoh graduasi mahasiswa pasca ijazah.

Bagi Manathunga (2002), terdapat empat jenis tingkah laku mahasiswa yang dilihat memberi kesan kepada kemerosotan mahasiswa dalam menamatkan pengajian. Antaranya ialah sikap mahasiswa yang suka mengubah topik kajian atau kerja yang telah dirancang, sikap mahasiswa yang suka mengelak daripada melakukan aktiviti komunikasi dengan penyelia, sikap mahasiswa yang suka mengasingkan diri daripada orang lain atau persekitaran sekeliling dan sikap mahasiswa yang suka mengelak daripada menghantar kerja-kerja penyelidikan bagi tujuan semakan. Tingkah laku ini sememangnya memberi kesan negatif kepada kemajuan aktiviti penyelidikan kerana mahasiswa yang suka mengubah topik kajian dan lari daripada perancangan akan menimbulkan kesukaran dari segi tempoh masa lama yang diambil untuk melakukan pembacaan, mengambil data, menghantar kerja-kerja lama dan lambat menghantar kerja bagi bab baru (Manathunga, 2002). Tingkah laku mahasiswa yang suka mengelak daripada aktiviti komunikasi juga akan menghalang kemajuan penyelidikan kerana gagal menghadiri temujanji antara mahasiswa dan penyelia, komunikasi tidak efektif dan kurang berinteraksi dengan penyelia (Manathunga, 2002). Tingkah laku mahasiswa yang mengasingkan diri daripada orang lain atau persekitaran juga memberi kesan kepada hubungan antara mahasiswa dengan mahasiswa lain dan hubungan antara mahasiswa dengan pihak pentadbiran (Manathunga, 2002).

Magnuson *et al.* (2000) telah mengenal pasti tiga faktor utama bagi tingkah laku penyeliaan yang tidak berkesan iaitu dari segi pentadbiran atau organisasi, kognitif atau teknikal dan hubungan atau afektif. Aktiviti penyeliaan yang tidak berkesan dalam pentadbiran atau organisasi memberi kesan kepada tahap kecekapan penyelia dalam penstrukturan proses penyeliaan, menjelaskan harapan dan objektif kajian dan menjalankan prosedur penyeliaan secara berterusan (Magnuson *et al.*, 2000). Kelemahan kognitif atau teknikal penyelia pula akan memperlihatkan kekurangan dalam diri penyelia dari sudut lambat memberi maklum balas terhadap penyelidikan mahasiswa, dan enggan menggabungkan idea-idea daripada mahasiswa seliaan yang dilihat boleh menjejaskan kemajuan penyelidikan mahasiswa seliaan (Magnuson *et al.*, 2000). Kelemahan hubungan atau afektif pula akan memberi kesan kepada kurangnya komunikasi interpersonal antara penyelia dan mahasiswa dan gagal mewujudkan persekitaran yang selamat dan selesa dalam melakukan aktiviti penyeliaan (Magnuson *et al.*, 2000).

Bagi Smith (2002) dan Cude (2001) pula telah mengenal pasti kekurangan sokongan organisasi yang terdiri daripada pihak universiti dan pentadbiran terhadap tempoh graduasi mahasiswa pasca ijazah. Mereka melihat kegagalan polisi universiti memberi kesan kepada graduasi mahasiswa pasca ijazah. Maka, sokongan organisasi ini juga dilihat memberi kesan dan implikasi kepada tempoh graduasi mahasiswa pasca ijazah.

Aktiviti perkongsian pengetahuan di institusi pendidikan juga dilihat sangat wajar untuk dilaksanakan kerana institusi pendidikan kini memainkan peranan sebagai tempat pengumpulan pengetahuan dan tidak lagi hanya sebagai penyampai pengetahuan kepada mahasiswa (Mohd Sadiq Sohail dan Salina Daud, 2009). Kajian yang dilakukan oleh Mitchell (2005) menunjukkan bahawa aktiviti perkongsian pengetahuan di kalangan mahasiswa dan institusi pendidikan bukan hanya untuk menyimpan maklumat, tetapi juga untuk mengembangkan pengetahuan melalui proses pertukaran dan perkongsian pengetahuan dalam organisasi ke arah

pembangunan dan pertumbuhan organisasi pada masa hadapan. Aktiviti perkongsian pengetahuan ini penting dilakukan kerana berkaitan dengan prestasi, di mana melalui aktiviti perkongsian pengetahuan, pengetahuan baru mudah dimiliki, mampu mencapai keputusan yang lebih baik dan meningkatkan tahap prestasi khususnya dalam kerja berpasukan. Maka, melalui aktiviti perkongsian pengetahuan ini akan membantu mahasiswa untuk mendapatkan sumber-sumber pengetahuan dengan lebih cepat dan membantu mahasiswa untuk menamatkan pengajian dengan lebih cepat.

Yang (2007) menunjukkan bahawa pelaksanaan aktiviti perkongsian pengetahuan telah membantu organisasi dalam meningkatkan kecekapan, memperoleh pengetahuan, dan pemahaman yang lebih inovatif dan berdaya saing. Apakah ini juga berlaku di UTM, Skudai? Maka, kajian ini perlu dilakukan dalam mengenal pasti faktor-faktor penentu kejayaan mahasiswa pasca ijazah menamatkan pengajian dan intensiti aktiviti perkongsian pengetahuan yang berlaku dalam kalangan mahasiswa pasca ijazah untuk segera menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Sekiranya wujud interaksi yang kuat dalam aktiviti perkongsian pengetahuan, akan membantu mahasiswa pasca ijazah untuk segera menamatkan pengajian. Oleh itu, kajian ini akan dapat menutup jurang yang wujud dalam kajian-kajian terdahulu yang hanya mengenal pasti faktor-faktor penentu kejayaan mahasiswa pasca ijazah menamatkan pengajian dan tidak menyentuh aspek aktiviti perkongsian pengetahuan dalam kalangan mahasiswa pasca ijazah.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor penentu kejayaan yang mempengaruhi jangkaan tempoh masa mahasiswa pasca ijazah menamatkan pengajian dan interaksi aktiviti perkongsian pengetahuan dengan

faktor-faktor penentu kejayaan yang mendorong mahasiswa pasca ijazah untuk mempercepat proses menamatkan pengajian atau memendekkan tempoh pengajian daripada masa yang telah ditetapkan.

### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah :

- i. Melihat perbezaan jangkaan tempoh tamat pengajian berdasarkan faktor demografi bagi mahasiswa pasca ijazah Sains Sosial di UTM.
- ii. Mengenal pasti hubungan antara faktor individu, faktor kualiti seliaan dan faktor sokongan organisasi dengan jangkaan tempoh tamat pengajian di kalangan mahasiswa pasca ijazah Sains Sosial di UTM.
- iii. Mengenal pasti aktiviti perkongsian pengetahuan sebagai moderator bagi perhubungan antara faktor individu, faktor kualiti seliaan dan faktor sokongan organisasi dengan jangkaan tempoh tamat pengajian.

### **1.6 Persoalan kajian**

- i. Adakah terdapat perbezaan jangkaan tempoh tamat pengajian berdasarkan faktor demografi bagi mahasiswa pasca ijazah Sains Sosial di UTM?
- ii. Adakah terdapat hubungan antara faktor individu, faktor kualiti seliaan dan faktor sokongan organisasi dengan jangkaan tempoh tamat pengajian bagi mahasiswa pasca ijazah Sains Sosial di UTM?

- iii. Adakah aktiviti perkongsian pengetahuan merupakan moderator bagi perhubungan antara faktor individu, faktor kualiti seliaan dan faktor sokongan organisasi dengan jangkaan tempoh tamat pengajian?

## 1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor penentu kejayaan yang mempengaruhi jangkaan tempoh tamat pengajian mahasiswa pasca ijazah dan melihat interaksi aktiviti perkongsian pengetahuan dengan faktor-faktor penentu kejayaan dengan jangkaan tempoh tamat pengajian mahasiswa pasca ijazah. Kajian ini lebih memfokuskan kepada mahasiswa pasca ijazah dalam bidang Sains Sosial di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru, Johor. Fakulti yang terlibat adalah Fakulti Pendidikan (FP) dan Fakulti Pengurusan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM). Mahasiswa pasca ijazah daripada bidang Sains Sosial ini diambil sebagai responden kajian kerana kebanyakan kajian daripada luar negara telah mengenal pasti bahawa mahasiswa pasca ijazah dalam bidang Sains Sosial lambat menamatkan pengajian, malah terdapat mahasiswa pasca ijazah dalam bidang ini yang gagal menamatkan pengajian dan berhenti daripada meneruskan pengajian (Elgar, 2003; Martin, Maclachlan dan Karmel, 1999; Wright dan Cochrane, 2000).

Selain itu, faktor individu, faktor kualiti seliaan dan faktor sokongan organisasi juga telah dikenal pasti sebagai faktor-faktor yang mempengaruhi tempoh tamat pengajian mahasiswa pasca ijazah (Seagram, 1998; Kam Booi Hon, 1997; Jiranek, 2010; Norhasni Zainal Abiddin, 2006; Sheridan dan Pyke, 1994; Norhasni Zainal Abiddin dan West Mel, 2007). Melalui faktor-faktor penentu kejayaan ini, mahasiswa pasca ijazah dapat menamatkan pengajian dalam jangka masa tempoh yang telah ditetapkan. Di samping itu, aktiviti perkongsian pengetahuan yang telah



dikenal pasti juga boleh meningkatkan prestasi mahasiswa pasca ijazah. Liebowitz (2001) telah melihat aktiviti perkongsian pengetahuan sebagai penting kepada kejayaan sesebuah organisasi khususnya yang berorientasikan pendidikan. Malah, aktiviti perkongsian pengetahuan juga dilihat penting kepada pencapaian setiap individu.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti faktor-faktor penentu kejayaan yang mempengaruhi tempoh masa mahasiswa pasca ijazah untuk menamatkan pengajian dan interaksi antara aktiviti perkongsian pengetahuan dengan faktor-faktor penentu kejayaan dalam mempercepatkan atau memendekkan tempoh masa yang diambil oleh mahasiswa pasca ijazah untuk menamatkan pengajian. Kajian-kajian terdahulu seperti Jiranek (2010), Norhasni Zainal Abiddin dan West Mel (2007), Seagram (1998), dan Sheridan dan Pyke (1994) banyak membincangkan tentang faktor-faktor penentu kejayaan yang mempengaruhi tempoh masa mahasiswa pasca ijazah untuk menamatkan pengajian dan tidak menyentuh aktiviti perkongsian pengetahuan sebagai moderator kepada perhubungan dengan faktor-faktor penentu kejayaan dalam mempengaruhi mahasiswa pasca ijazah untuk segera menamatkan pengajian. Oleh itu, kajian ini penting dilakukan kerana menerusi faktor-faktor penentu kejayaan yang telah dikenal pasti akan mendorong mahasiswa pasca ijazah untuk lebih fokus kepada pengajian mereka khususnya dalam menyempurnakan tesis atau disertasi supaya mahasiswa pasca ijazah dapat menamatkan pengajian pada masa yang ditetapkan. Ini juga penting kerana kegagalan mahasiswa pasca ijazah dalam menamatkan pengajian akan memberi kesan negatif terutamanya kepada individu itu sendiri dan juga kepada institusi.

Kajian ini juga diharap dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian dan membuat penambahbaikan pada masa hadapan. Maka, kajian ini penting dilakukan kerana melalui kajian ini, mahasiswa pasca ijazah akan lebih bertanggungjawab terhadap kerja-kerja penyelidikan yang dilakukan. Mahasiswa pasca ijazah juga akan memastikan kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan mencapai standard atau piawaian yang ditetapkan agar penyelidikan berjalan dengan lancar. Selain itu, mahasiswa pasca ijazah akan menjalinkan hubungan yang baik dengan penyelia dalam memastikan aktiviti penyeliaan berjalan dengan baik dan tidak mempengaruhi perjalanan kajian penyelidikan yang dilakukan. Mahasiswa pasca ijazah akan memastikan bahawa mereka perlu kerap berjumpa dengan penyelia dan memastikan maklum balas yang diterima adalah positif bagi kemajuan penyelidikan. Di samping itu, mahasiswa pasca ijazah akan berusaha mendapatkan maklumat dan informasi terkini daripada pelbagai pihak terutamanya pihak pentadbiran agar penyelidikan boleh dilakukan dengan jayanya. Mahasiswa pasca ijazah akan sentiasa peka terhadap isu-isu semasa yang berlaku di persekitaran mereka serta mematuhi tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbiran. Mahasiswa pasca ijazah juga akan mengaplikasikan aktiviti perkongsian pengetahuan dalam pengajian mereka memandangkan aktiviti perkongsian pengetahuan yang wujud membantu mereka khususnya dalam kerja-kerja penyelidikan.

Kajian ini juga penting kepada penyelia kerana boleh dijadikan sebagai panduan dalam melakukan aktiviti penyeliaan dengan lebih baik. Penyelia akan memastikan mahasiswa seliaan berasa selesa dalam setiap perjumpaan yang diadakan agar aktiviti perbincangan dapat dijalankan dengan efektif dan efisien. Selain itu, penyelia akan memastikan mereka memberikan maklum balas dengan segera, komprehensif dan kondusif terhadap kajian penyelidikan mahasiswa seliaan. Di samping itu, penyelia akan memastikan mahasiswa seliaan akan sentiasa mematuhi setiap peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbiran seperti tempoh menghantar tesis agar kajian penyelidikan dapat disiapkan pada masa yang telah

ditetapkan. Penyelia juga akan memantau perkembangan penyelidikan mahasiswa seliaan dalam memastikan penyelidikan berjalan dengan lancar.

Bagi pihak pentadbiran, kajian ini penting dilakukan kerana boleh dijadikan sebagai rujukan dalam memantau perkembangan pengajian mahasiswa pasca ijazah agar mahasiswa pasca ijazah dapat menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, pihak pentadbiran boleh mewujudkan satu garis panduan yang berguna kepada mahasiswa bagi membantu mahasiswa pasca ijazah menamatkan pengajian dengan lebih cepat. Pihak pentadbiran juga akan menyediakan jadual khusus antara penyelia dan mahasiswa seliaan dalam melancarkan aktiviti penyeliaan. Di samping itu, pihak pentadbiran juga boleh menerapkan aktiviti perkongsian pengetahuan dalam pengajian mahasiswa pasca ijazah yang boleh membantu mahasiswa pasca ijazah untuk menamatkan pengajian dengan lebih cepat.

## **1.9 Definisi Konsep dan Operasi**

Bahagian ini akan mendefinisikan istilah seperti peranan individu, kualiti penyeliaan, sokongan organisasi, aktiviti perkongsian pengetahuan dan jangkaan tempoh tamat pengajian. Definisi konsep dan operasi ini adalah penting dilakukan bagi mengetahui konsep dan operasi yang ingin dibincangkan. Definisi istilah yang diterangkan ini adalah bersesuaian dengan konteks kajian yang dilakukan.

### **1.9.1 Peranan Individu**

Menurut Strawson (1959), konsep individu adalah sukar untuk dinyatakan secara lebih mendalam. Konsep individu adalah konsep bagi satu jenis entiti yang menunjukkan individu tunggal di mana ciri-ciri fizikal individu adalah jenis tunggal atau satu. Peranan individu pula merupakan satu tugas yang dipikul oleh seseorang individu terhadap sesuatu perkara.

Dalam konteks kajian, individu adalah mahasiswa pasca ijazah yang terdiri daripada mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian dalam peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang Sains Sosial di UTM. Peranan individu yang diukur dalam kajian ini adalah tanggungjawab mahasiswa yang terdiri daripada pengurusan kerja penyelidikan dan penyelesaian masalah serta perhubungan dan penglibatan mahasiswa dalam menyempurnakan penyelidikan.

### **1.9.2 Kualiti Penyeliaan**

Kualiti penyeliaan melibatkan tanggungjawab dan hubungan antara penyelia dan mahasiswa seliaan. Menurut Zuber-Skeritt dan Ryan (1994), tanggungjawab penyelia dimaksudkan sebagai “seorang penasihat atau mentor”. Wisker dan Brown. (2001) pula mendefinisikan tanggungjawab penyelia sebagai “model penyelidikan” dan Vilkinas (2002) mendefinisikan tanggungjawab penyelia sebagai “pengurus”. Bagi Stack (2008), hubungan antara penyelia dan mahasiswa seliaan adalah sebagai hubungan peribadi dan bergantung kepada kepercayaan penyelia itu sendiri untuk menginterpretasikan tanggungjawab dan peranan mereka sebagai penyelia secara berbeza.

Kualiti penyeliaan bagi kajian ini akan melihat kepada tanggungjawab atau peranan penyelia sebagai orang yang bertanggungjawab dalam mengawasi dan memantau perkembangan mahasiswa seliaan khususnya dalam melaksanakan kerja-kerja penyelidikan. Komunikasi interpersonal antara penyelia dan mahasiswa seliaan juga diukur dalam kajian ini dalam melihat hubungan antara penyelia dan mahasiswa seliaan dan bagaimana interaksi yang terjalin antara penyelia dan mahasiswa seliaan.

### **1.9.3 Organisasi**

Menurut Kast dan Rosenzweig (1979), organisasi didefinisikan sebagai satu persatuan, kumpulan dan pertubuhan. Dalam konteks pengurusan, organisasi melibatkan aktiviti penstrukturan dan pengintegrasian. Organisasi melibatkan sekumpulan pekerja yang bekerjasama untuk mencapai objektif organisasi.

Organisasi dalam kajian ini mengukur sokongan pelbagai pihak dalam organisasi kepada mahasiswa pasca ijazah dalam membantu mereka untuk menamatkan pengajian. Sokongan organisasi ini terdiri daripada Sekolah Pengajian Siswazah (SPS), UTM, Perpustakaan Sultan Zanariah (PSZ) dan Fakulti Sains Sosial yang meliputi Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM) dan Fakulti Pendidikan (FP). Sokongan organisasi ini melihat kepada tanggungjawab fakulti, SPS dan PSZ kepada mahasiswa pasca ijazah dalam menyediakan kemudahan dan sumber, membantu dari segi hal pentadbiran dan persekitaran penyelidikan, dan menyokong budaya penyelidikan mahasiswa.

#### **1.9.4 Aktiviti Perkongsian Pengetahuan**

Aktiviti perkongsian pengetahuan didefinisikan sebagai berkongsi maklumat antara kumpulan manusia yang berkaitan dengan institusi formal, antara rakan-rakan seperjuangan dalam tempat bekerja, antara rakan-rakan dan interaksi antara dua orang kepada beberapa individu. Tujuan utama perkongsian pengetahuan adalah untuk meningkatkan prestasi sesebuah kumpulan dengan pelbagai pengetahuan yang dimiliki oleh setiap individu dalam kumpulan tersebut (Alavi dan Leidner, 1999; Salisbury, 2003). Bagi Van den Hooff dan De Ridder (2004) individu berkongsi pengetahuan yang dimiliki dengan individu lain yang mempunyai minat untuk berkongsi pengetahuan bagi menambahkan ilmu yang berguna. Proses perkongsian pengetahuan terdiri daripada aktiviti mengumpul, menyusun dan perbincangan pengetahuan antara satu sama lain. Menurut Syed Ikhsan dan Rowland (2004) dan Yang (2007) perkongsian pengetahuan adalah untuk memperbaiki kualiti kerja dan kemahiran membuat keputusan, dan penyelesaian masalah yang memberi manfaat kepada organisasi.

Aktiviti perkongsian pengetahuan dalam kajian ini melihat kepada amalan perkongsian pengetahuan yang diamalkan oleh mahasiswa pasca ijazah dan aktiviti perkongsian pengetahuan yang digemari oleh mereka dalam berkongsi pengetahuan. Kajian ini mengukur interaksi antara aktiviti perkongsian pengetahuan dengan faktor individu, faktor kualiti seliaan dan faktor sokongan organisasi yang membantu mahasiswa mempercepatkan jangkaan tempoh tamat pengajian.

### **1.9.5 Jangkaan tempoh tamat pengajian**

Daripada *Survey of Earned Doctorates 2006 Report*, pengukuran bagi tempoh tamat pengajian adalah jumlah masa yang telah berlalu daripada tamat pengajian ijazah sarjana muda sehingga tamat pengajian kedoktoran, jumlah masa yang telah berlalu daripada permulaan mana-mana sekolah siswazah sehingga tamat pengajian kedoktoran dan umur penerima doktor falsafah pada masa dianugerahkan ijazah kedoktoran.

Jangkaan tempoh tamat pengajian yang diukur dalam kajian ini adalah bermula daripada mahasiswa pasca ijazah mendaftar di SPS, UTM sehingga tempoh masa yang dijangkakan oleh mahasiswa pasca ijazah untuk menamatkan pengajian.

### **1.10 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan mengenai pengenalan, latar belakang masalah kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, dan definisi istilah kajian yang digunakan. Pengkaji ingin mengenal pasti faktor-faktor penentu kejayaan mahasiswa pasca ijazah Sains Sosial UTM dalam menamatkan pengajian dan interaksi aktiviti perkongsian pengetahuan terhadap faktor-faktor penentu kejayaan yang mendorong mempercepatkan tempoh graduasi mahasiswa pasca ijazah. Kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada mahasiswa pasca ijazah, penyelia dan pihak pentadbiran agar dapat mengurangkan jurang tempoh graduasi mahasiswa pasca ijazah. Segala kelemahan yang telah dikenal pasti boleh dilakukan penambahbaikan bagi tujuan masa hadapan.

### Senarai Rujukan

- Alavi, M., & Leidner, D. (2001). Knowledge management and knowledge management systems: conceptual foundations and research issues. *Management Information Systems Quarterly*, 25(1), 107-36.
- Azizi Yahaya., Shahrin Hashim., Jamaludin Ramli., Yusof Boon., & Ab. Rahim Hamdan. (2009). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan : Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Baker, Joe., & G. (1998). Gender, Race and PhD Completion in Natural Science and Engineering. *Economics of Education Review*, 17(2) pp. 179-188. Elsevier Science Ltd.
- Bennett, R., & Knibbs, J. (1986). Researching for a higher degree: The role(s) of the supervisor. *Management Education and Development*, 17(2), 137-145.
- Binns, A. (2006). *Graduate Supervision: Guidelines for Students, Faculty and Administrators at the University of Pennsylvania*. Office of the Provost: University of Pennsylvania.
- Bowen, W. G., & Rudenstine, N. L. (1992). *In pursuit of the PhD*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Booth, Alison L., Satchell., & Stephen E. (1995) The Hazard of doing a PhD: an Analysis of Completion and Withdrawal Rates of British PhD Students in the 1980s. *Journal of the Royal Statistical Society*, 158( 2), pp. 297-318.
- Sheng-Hsiao Chiu. (2010). Students' knowledge sources and knowledge sharing in the design studio—an exploratory study. *International Journal Technology Education*, 20, 27-42.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan Buku 1* : McGraw- Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.



- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*: McGraw- Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Cude, W. (2001). *The PhD trap revisited*. Toronto: Dundurn Press.
- Donald, J. G. (1995). Graduate Student Supervision Policies and Procedures: A Case Study of Issues and Factors Affecting Graduate Study. *The Canadian Journal Higher Education*, XXXV (3), 1-29.
- Elgar, F. (2003). *PhD completion in Canadian universities. Final report*. Halifax, Nova Scotia: Graduate Students Association of Canada. Retrieved June 25, 2011 from <http://careerchem.com/CAREERINFO-ACADEMIC/Frank-Elgar.pdf>.
- Elliott, K. (1983). Journey to an unknown destination: A letter to a research student. *Graduate Management Research* 1(1), 6-11.
- Ernest, F. H, Jr., &Richard, S. P. (1999). 'Introductory Mathematical Analysis', Prentice Hall International, Inc.
- Ferrer de Valero, Y. (May-June, 2001). Departmental factors affecting time-to-degree and completion rates of doctoral students at one land-grant research institution. *The Journal of Higher Education*. 72(3), 341-367.
- Goh, S. C. (2002). Managing effective knowledge transfer: an integrative framework and some practice implications. *Journal of Knowledge Management*, 6(1), 23-30.
- Gouldner, A. (1960). The norm of reciprocity. *American Sociological Review*, 25, 161-78.
- Goulden, N. R. (1991). A report of the perceptions of communication and relationships during the dissertation process by speech communication doctoral advisors and advises. *ACA Bulletin*, 76, 39-48.
- Hair, J. F., Money, A. H., Samouel, P., & Page, M. (2007). [Research Methods for Business](#), West Sussex: John Wiley & Sons Ltd.

- Harris, M. (1996). *Review of Postgraduate Education, Report*. Bristol, Higher Education Funding Council for England, Committee of Vice-Chancellors and Principals and Standing Conference of Principals.
- Hoffer, T. B., Hess, M., Junior, V. W., & Williams, K. (2007). Doctorate Recipients from United States Universities. *Summary Report 2006*. NORC: University of Chicago. Illinois.
- Hogberg, C., & Edvinsson, L. (1998). A Design for Futurising Knowledge Networking. *Journal of Knowledge Management*, 2(2), 81-92.
- Horn, R. (2009). *Research & Writing Dissertations: A Complete Guide for Business and Management Students*, the Chartered Institute of Personnel and Development (CIPD).
- I-Chieh Hsu. (2006) Enhancing Employee Tendencies to Share Knowledge – Case Studies of Nine Companies in Taiwan. *International Journal of Information Management*, 26, 326-338.
- Hutching & Mohannak (2007). *Knowledge Management in Developing Economies; A Cross Cultural And Institution Approach*. UK: Edward Elgar Publishing Limited.
- Ipe, M. (2003). Knowledge Sharing in Organization: A Conceptual Framework. *Human Resource Development Review*, 2 (2), 337-359.
- Jiranek, V. (2010). Potential Predictors of Timely Completion among Dissertation Research Students at an Australian Faculty of Sciences. *International Journal of Doctoral Studies*, 5, 1-13.
- Johnson, D. W., & Johnson, R. T. (1988). Cooperative learning : Two heads learn better than one. Retrieved May 10, 2012 from [www.context.org/ICLIB/IC18/Johnson.htm](http://www.context.org/ICLIB/IC18/Johnson.htm).
- Kam Booi Hon (1997). Style and quality in research supervision: The supervisor dependency factor. *Higher Education*, 34(1), 81–103.

- Kamal Kishore Jain, Manjit Sing Sandhu & Gurvinder Kaur Sidhu (2 January 2007). Knowledge sharing among academic staff: A case study of business schools in Klang Valley, Malaysia. *UCSI JASA*, 23-29.
- Kast, F. E. & Rosenzweig, J. E. (1979). *Organization and Management : A system and contingency approach*. (3rd ed). New York : McGraw-Hill Inc.
- Kim, B.-O., & King S.M. (2004). Logistics information's role within an IT systems architecture in a world-class organization, *Logistics Information Management*, 9(3), 19-26.
- Kluever, R. (1995). *ABD's and Graduates from a College of Education: Responsibility, Barriers and Facilitators*. Paper presented at the annual meeting of the American Educational Research Association, San Francisco, CA.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 608.
- Laporan Statistik Pelajar Kementerian Pengajian Tinggi, (2002-2007). Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Leatherman, C. (2000). A New Push for ABD's to Cross the Finish Line. *The Chronicle of Higher Education*, 46(29), A18-19.
- Lee, J. N. (2001). The Impact of Knowledge Sharing, Organizational Capability and Partnership Quality on IS Outsourcing Success. *Information & Management*. 38, 323-335.
- Lubega, J., & Niyitegeka, M. (2008). Integrating E-Supervision in Higher Educational Learning. In Aisbett, J., Gibbon, G., Rodrigues, A. J., Kizza, M. J., Nath, R. and Renardel, G. R.: *Strengthening the Role of ICT in Development*, Vol. IV, pp. 351-358, ISBN: 978-9970-02-871-2.

- Manathunga, C. (2002). Detecting and dealing with early warning signs in postgraduate research education: A work-in-progress. In M. Kiley., & G. Mullins (Eds.), *Quality in postgraduate research: Integrating perspectives conference proceedings*, Adelaide, April 18–19, (pp. 80–88). Adelaide, Australia: Advisory Centre for University Education, The University of Adelaide.
- Magnuson, S., Wilcoxon, S. A., & Norem, K. (2000). A profile of lousy supervision: Experienced counselors' perspectives. *Counselor Education and Supervision*, 39, 189-203.
- Martin, Y. M., Maclachlan, M., & Karmel, T. (1999). *Postgraduate completion rates*. Department of Education, Training and Youth Affairs. Retrieved June 12, 2011 from <http://www.dest.gov.au/archive/highered/occpaper/01d/01d.pdf>.
- Hishamuddin Md Som & Zulkarnain Zakaria. (2001). *Analisis Data: Menggunakan SPSS WINDOWS*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mitchell, H. (2005). Knowledge Sharing The Value of Storytelling. *International Journal of Organizational Behavior*. 9(5), 632-641.
- Mohamed Khaled Nordin. (2008). Kertas Kerja “Mengubah Senario Global Dalam Pengajian Tinggi”. *Seminar Pengurusan Akademik IPT*. 1-14.
- Moses, I. (1985). *Supervising postgraduates*. In Holdaway, E., Deblois, C. and I, Winchester. 1995. Supervision of graduate students. *The Canadian J. Higher Education*, XXV: 1-29.
- Nerad, M., & Cerny, J. (1993). From facts to action: Expanding the graduate division's educational role. *New Directions for Institutional Research*, 80, 27-40.
- Nik Mustapha Raja Abdullah (2007). *Institusi Pengajian Tinggi Penjana Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama*. Prosiding Persidangan

Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Institusi Pengajian Tinggi (CTLHE07). Selangor. 12-14 Disember, 2007.

Norhasni Zainal Abiddin (2006). Effective Practices in Graduating Student Supervision Using the Mentoring and Coaching Approaches. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 159-165.

Norhasni Zainal Abiddin, Aminuddin Hassan & Abdul Razaq Ahmad (2009). Research Student Supervision: An Approach to Good Supervisory Practice. *The Open Education Journal*, 2, 11-16.

Norhasni Zainal Abiddin & West Mel (2007). Responsibilities of Graduate Student: The Review of Research Student Policies. *Journal of Social Sciences*, 3(1), 7-17.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (2007-2010). Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020 (2007). Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Retrieved August 19, 2011 from <http://www.mohe.gov.my/portal/images/utama/penerbitan/psptn.pdf>.

Perangkaan Pengajian Tinggi, (2008-2009). Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Phillips, E. M., & Pugh, D.S. (2000). *How to get a PhD- A handbook for students and their supervisors*. Buckingham: Open University Press.

Phillips, E. M., & Pugh, D.S. (2005). *How to get a PhD- A handbook for students and their supervisors*. New York: Open University Press.

Price, J. (2005). Marriage and Graduate Student Outcomes. *Cornell Higher Education Research Institute (CHERI)*, 28, 1-18.

Queensland University of Technology Postgraduate Supervision Evaluation Project Team (1995). *Tracking Postgraduates Supervision*. Brisbane: QUT.

- Rafiah Salim. (2007). *The Type of Graduates Needed in an Increasingly Globalised World*. Prosiding Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Institusi Pengajian Tinggi (CTLHE07). Selangor. 12-14 Disember 2007.
- Rogers, C. R. (1969). *Freedom to learn: A view of what education might become*. Columbus, OH: Charles E. Merrill Publishing Co.
- Salisbury, M. W. (2003). Putting Theory Into Practice to Build Knowledge Management Systems. *Journal of Knowledge Management*, 7(2), 128-141.
- SERC (1982). *Research Student or Supervisor -A Discussion Document in Good Supervisory Practice*. London: Science and Engineering Research Council.
- Seagram, B. C., Gould, J., & Pyke, S. W. (1998). An investigation of gender and other variables on time to completion of doctoral degrees. *Research in Higher Education*, 39, 319-335.
- Sekaran, U. (2003). *Research Method for Business :A Skill Building Approach*. New Delhi. Wiley India.
- Sekolah Pengajian Siswazah. UTM, Skudai: Johor Bahru.
- Sheridan, P. M., & Pyke, S. W. (1994). Predictors of time to completion of graduate degrees. *Canadian Journal of Higher Education*, 24(2), 68-88.
- Sizer, J. (2001), Research and the knowledge age. *Tertiary Education and Management*, 7(3), 227-30.
- Smith, R. (2000, June). Done is better than perfect: The current crisis in US higher education, its multiple consequences, and the universities' unwillingness to fund a possible solution. *IMP Magazine*, 5-9.
- Srivastava, A., Bartol, K. M., & Locke, E. A. (2006). Empowering leadership in management teams : Effects on knowledge sharing, efficacy and performance. *Academy of Management Journal*, 49(6), 1239-1251.

- Mohd Sadiq Sohail & Salina Daud (2009). Knowledge sharing in higher education institutions perspectives from Malaysia. *J. Inform. Knowl. Manage. Syst.*, 39: 125-142.
- Soon, L., & Fraser, C. (2011). Knowledge Sharing and Knowledge Exchange in Distance Education Online Group Work. *International Journal of Information and Education Technology*, 1(2), 156-162.
- Stack, E. M. (2008). *Reflections on the Supervision of Postgraduate Research in Accounting Departments*. Paper presented at the Southern African Accounting Association Conference, Johannesburg.
- Stenmark D. (2001). Leverage tacit organizational knowledge. *J. Manage. Inform. Syst.*, 5: 9-24.
- Stock, W. A., & Siegfried, J.J. (2006). Time-to-degree for the Economics PhD. Class of 2001-2002. *AEA Papers and Proceedings*, 96(2), 467-474.
- Strawson, P. F. (1959). *Individuals*. London: Methuen & Co Ltd.
- Syed Omar Sharifuddin bin Syed-Ikhsan & Fytton Rowland (2004). Benchmarking Knowledge Management in a Public Organisation in Malaysia. *Benchmarking, Bradford*, 11(3), 238.
- Ting Jer Yuen & Mohd Shaheen Majid (2006). Knowledge-sharing patters of undergraduate students in Singapore. *Emerald Group Publishing Limited*, 56(6), 485-494.
- Tuckman, H., Coyle, S., & Bae, Y. (1990). *On Time to the Doctorate*. Washington, DC: National Academy Press.
- Utusan Malaysia, 20 November 2007. *Dua Universiti bakal bertaraf dunia*. Kuala Lumpur.
- Van den Hooff, B., & De Ridder, J. A. (2004). Knowledge Sharing in Context: The Influence of Organizational Commitment, Communication Climate and CMC

- Use on Knowledge Sharing. *Journal of Knowledge Management*, 8(6), 117-130.
- Van den Hooff, B., & Hendrix, L. (2004). "Eagerness and Willingness to Share: the Relevance of Different Attitudes towards Knowledge Sharing," Proceedings of the 5th European Conference on Organizational Knowledge, Learning and Capabilities: Innsbruck, Austria.
- Vilkinas, T. (2002). The PhD process: the supervisor as manager. *Education and Training*, 44(3), 129-137.
- Walkers, J. W. (2002). Research Knowledge Sharing and You. *Human Resources Planning*. 25(2), 10-13.
- Wellington, J., & Szczerbinski, M. (2007). *Research Methods for the Social Sciences*, London: Continuum.
- Wisker, G. (2001). *The postgraduate research handbook: Succeed with your MA, Mphil, EdD and PhD*. Hampshire: Palgrave.
- Wright, T., & Cochrane, R. (2000). Factors influencing successful submission of Ph.D theses. *Studies in Higher Education*, 25(2), 181-195.
- Yang, J. (2007). The Impact of Knowledge Sharing on Organizational Learning and Effectiveness. *Journal of Knowledge Management*, 11(2), 83-90.
- Yang, H.L., & Wu, T. C. T. (2006). Knowledge Sharing in an Organization-Share or not. *International Conference on Computing & Informatics*, 1-7.
- Yeats, M. (1991). Doctoral graduation rates in Ontario universities. Toronto, Ontario, Canada : Council of Ontario Universities/ Ontario Council on Graduate Studies.
- Ting Jer Yuen & Mohd Shaheen Majid (2007). Knowledge Sharing Pattern in Undergraduate Students in Singapore, *Library Review*, 56(6), 485-494.
- Zuber-Skerritt, O., & Ryan, Y. (Eds.). (1994). *Quality in postgraduate education*. London: Kogan Page.